

## BAB VI

### Perlanunan dan Perdagangan

- VI.1. Istilah lanun
- VI.2. Perdagangan dan perlanunan/perompakan di laut
- VI.3. Sebab-sebab perompakan di laut
- VI.4. Kegiatan perompak laut di Selat Melaka pada abad ke-18M
- VI.5. Puak Iranun dalam kegiatan perompakan di Selat Melaka
- VI.6. Kesan perompakan di laut terhadap perdagangan di Selat Melaka

## VI.1. Istilah lanun

Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan lanun itu? Dari segi istilah, lanun dimaksudkan “perompak laut” atau “bajak laut”. Melanun pula bermaksud melakukan “rompakan di laut”.<sup>1</sup> Dalam bahasa Inggeris perkataan ini dapat disamaartikan dengan perkataan *pirates* (lanun) dan *piracy* (melanun). Namun demikian dalam peristilahan Melayu lama tidak wujud perkataan “lanun” dan “melanun” ini. Istilah “lanun” sebagai perompak di laut hanya wujud selepas abad ke-19M. Sebelumnya semua kegiatan mengambil harta orang secara kekerasan baik di laut atau di darat dipanggil “merompak” sahaja dan dilakukan oleh “perompak”.

Dalam peristilahan undang-undang Inggeris, wujud perbezaan dari sudut definasi bagi perkataan perompak (*robber*) dan lanun (*pirate*). Apa yang dikatakan perompak (*robber*) itu merupakan orang yang merampas atau mengambil harta orang secara paksa untuk kepentingan diri sendiri tanpa mempunyai maksud-maksud lain yang terselindung. Berbeza dengan lanun (*pirate*) yang juga merompak, akan tetapi perbuatan itu dilakukan di laut. Mengikut definasinya, *piracy* (melanun) mestilah berlaku di laut lepas dan di luar jurisdiksi wilayah sebarang negara.<sup>2</sup> Justeru kerana itu golongan pemberontak juga kadangkala dianggap sebagai lanun.<sup>3</sup>

<sup>1</sup> T. Iskandar, *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970, h. 628.

<sup>2</sup> A.P. Rubin, *Piracy, Paramountcy and Protectorates*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1974, h. 10. Di samping itu mengikut Rubin, pandangan pihak British tentang perlanunan (*piracy*) pada 1693 termasuk tindakan-tindakan yang dilakukan oleh para pemberontak menentang raja-raja/pemerintah mereka tetapi bukan menentang rakyat atau harta benda Inggeris. *Ibid.*, h.41.

<sup>3</sup> *Ibid.*, h. 39-40.

Mengikut definasi tradisionalnya perkataan *piracy* itu adalah perompakan di laut oleh sebuah perahu ke atas perahu yang lain tanpa kuasa negeri (*state authority*) dan untuk kepentingan peribadi.<sup>4</sup> Namun demikian di Nusantara pada abad ke-16 hingga 19M, perkataan *lanun* ini tidaklah dapat disamakan sepenuhnya dengan perkataan *pirates* itu. Terdapat banyak perbezaan di antara sebab dan motif perlanunan di kawasan ini jika dibandingkan dengan sebab dan motif *pirates* orang Barat.

Istilah *lanun* sebagai perompak laut berasal daripada perkataan *Iranun* atau *Illanun* yang merupakan penduduk asal pulau Mindanao, selatan Filipina. Kawasan utama mereka adalah di sekitar Tasik Lanao dan Teluk Illana (Teluk Illanun). Puak ini terkenal sebagai puak “pengembara laut” yang aktif pada sekitar suku akhir abad ke-18M. Dalam masa pengembalaan mereka ini, mereka menjalankan kegiatan merompak di laut dan menyerang perkampungan-perkampungan untuk mendapatkan harta dan hamba abdi. Wilayah pengkelanaan mereka di laut itu meliputi Laut China Selatan, Laut Sulu dan Selat Melaka.

Oleh kerana mereka ini terkenal hampir di seluruh Nusantara sebagai perompak laut, maka masyarakat Melayu telah mensinonimkan nama suku kaum itu, **Iranun** atau **Illanun**, dengan kegiatan perompakan di laut. Oleh itu selepas abad ke-19M, istilah **lanun** telah digunakan oleh orang Melayu sebagai ganti bagi istilah “perompak laut”.<sup>5</sup> Hingga ke suku akhir abad ke-19M, istilah ini masih belum digunakan lagi

---

<sup>4</sup> *Ibid.*, h. 58.

<sup>5</sup> J.F.Warren menyatakan bahawa orang Inggeris secara sembarangan menggunakan perkataan Illanun itu untuk maksud “perompak laut”, manakala orang-orang Belanda menganggap puak Illanun itu

oleh orang-orang Melayu bagi merujuk kepada kegiatan merompak di laut. *Tuhfat al-Nafis* yang terkarang sekitar 1872M masih tidak menggunakan istilah ini. Ia hanya menggunakan perkataan **lanun** untuk merujuk kepada suku kaum yang datang dari Tempusuk bagi membantu Sultan Mahmud menghalau Belanda dari Riau sekitar tahun 1781M.<sup>6</sup>

Maksud asal perkataan **Iranun** itu tidaklah buruk seperti maksud yang digambarkan oleh perkataan **lanun**. Mengikut Datu Bandira Datu Alang, Iranun itu bermaksud “berkasih-kasihan” yang berlawanan sekali dengan maksud “lanun - perompak laut”.<sup>7</sup>

## VI.2. Perdagangan dan perlanunan/perompakan di laut

Fenomena merompak di laut atau melanun ini sudah dikenali sejak ada berita tentang pelayaran perdagangan melalui laut. Agak susah untuk memisahkan pada masa awal itu di antara perdagangan dengan perompakan di laut. Kapal-kapal dagang yang bertemu di laut lepas dengan kapal dagang lain yang lebih lemah adakah berubah menjadi perlanunan untuk memperolehi barang dagangan secara kekerasan.<sup>8</sup> Barang itu kemudian dijual kembali atau digunakan sendiri. Oleh kerana barang itu diperolehi secara kekerasan, maka ia tidak dapat dipanggil perdagangan tetapi perlanunan.

sebagai satu “ras yang berperangai keji”. Lihat J.F.Warren, *The Sulu Zone, 1768-1898*, Singapura: Singapore University Press, 1981, nota kaki, h. 149.

<sup>6</sup> Lihat V.Matheson (ed), *Tuhfat al-Nafis*, Kuala Lumpur:Fajar Bakti, 1982, h. 221. Lihat juga V.M.Hooker (ed), *Tuhfat al-Nafis*, Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, h. 431-32.

<sup>7</sup> Datu Bandira Datu Alang, *Iranun*, Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, h. 1.

<sup>8</sup> A.B.Lapian, “Orang Laut, bajak laut, raja laut,” KITLV 18261987 mf, 1975, h. 50-51.

Kegiatan melanun atau merompak di laut untuk mendapatkan barang ini bukanlah satu kegiatan yang baru dalam masyarakat Nusantara. Kegiatan ini telah dapat dikesan sejak kemunculan kerajaan Funan pada sekitar abad pertama Masehi lagi. Dikatakan orang-orang Funan akan keluar menyerang kapal-kapal yang melintasi kawasan perairan mereka. Pernah diceritakan tentang seorang raja perempuan Funan bernama Liu-ye memimpin satu angkatan pelaut Melayu menyerang kapal-kapal pedagang yang melintasi kawasan perairan Funan.<sup>9</sup>

Dalam zaman keagungan kerajaan Melayu Melaka juga telah sering kedengaran tentang perompakan di laut. Malah jika diikuti catatan-catatan Cina pada abad ke-14 dan 15M, kawasan sekitar pantai Semenanjung dan Selat Melaka merupakan sarang perompak laut. Kapal-kapal dagang yang belayar berhampiran pantai kawasan ini sering sahaja menjadi mangsa perompak-perompak laut itu. Wang-Ra-yuan mencatatkan dalam *Tao-i Chih-lioh* tentang kawasan-kawasan di Semenanjung pada abad ke-14M menyatakan bahawa di sekitar *Lung-Ya-Men* (Selat Gigi Naga) yaitu selat di antara Pulau Singapura (*Ta-ma-hsi*) dengan Pulau Belakang Mati terdapat penduduk yang ketagihan merompak. Kapal-kapal yang belayar ke barat akan mereka biarkan sahaja, akan tetapi dalam pelayaran pulang, apabila sampai di Pulau Karimon (*Chi-li-men*) mereka akan menyerang kapal-kapal itu dengan dua ke tiga ratus buah perahu. Seandainya kapal itu dapat ditawan, anak-anak kapal akan dibunuh dan barang dagangan di dalamnya akan dirampas.<sup>10</sup>

<sup>9</sup> R. Braddell, *A Study of Ancient Times in The Malay Peninsula and The Straits of Malacca*, MBRAS Reprints, 1980, h. 27.

<sup>10</sup> P. Wheatley, *The Golden Chersonese*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1980, h. 82.

Tome Pires juga mencatatkan bahawa Parameswara ketika mula membuka negeri di Muar dan Melaka sering sahaja melakukan rompakan ke atas kapal-kapal yang lalu lalang berhampiran dengan kawasan pertempatannya. Pires menyatakan, apabila Parameswara sampai di Singapura setelah melarikan diri daripada tentera Jawa yang menyerangnya di Palembang, baginda telah membunuh *Sam Agy* (Sang Aji) Singapura dan memerintah pulau itu. Oleh kerana baginda tidak mempunyai perusahaan, Pires menyatakan;

*“... dan beliau tidak langsung mempunyai perdagangan kecuali orang-orangnya menanam padi dan menangkap ikan dan merompak musuh-musuh mereka, dan hidup begini di kawasan Selat Singapura yang dikatakan itu.”<sup>11</sup>*

Setelah berpindah ke Muar juga Parameswara masih meneruskan kegiatan merompaknya.<sup>12</sup>

Kegiatan merompak di sekitar perairan utama Nusantara ini akan berkurangan bila muncul kerajaan-kerajaan yang kuat di kawasan itu. Selat Melaka umpamanya mula digunakan dengan pesat oleh pelaut-pelaut dan pedagang setelah munculnya kerajaan Sriwijaya pada abad ke-5M. Untuk mengelakkan gangguan dalam perdagangan di pelabuhan-pelabuhannya, kerajaan Sriwijaya telah berusaha membentras kegiatan perompak di Selat Melaka di samping menggunakan perompak-perompak itu yang terdiri daripada Orang Laut sebagai tentera lautnya. Dengan cara ini baginda dapat

<sup>11</sup> A. Cortesao (ed), *Suma Oriental of Tome Pires*, The Hakluyt Soc., 1967, h. 232.

<sup>12</sup> T.Pires mencatatkan;

*“... di sana baginda tinggal selama enam tahun, dan di sana baginda menanam tanaman untuk hidup; dan mereka juga menangkap ikan, dan kadangkala merompak dan menyamun sampan-sampan yang datang ke Sungai Muar untuk memperolehi air tawar ...” Ibid., h. 232.*

menentukan keselamatan pelayaran di Selat Melaka dan kemakmuran empayarnya. Kegiatan kerajaan-kerajaan yang seterusnya seperti Melayu-Jambi dan Melaka juga telah menjadikan Selat Melaka sebagai laluan yang selamat.

Akan tetapi di kala tidak wujudnya kerajaan yang kuat pada satu-satu ketika dalam sejarah kawasan itu, umpamanya setelah lemahnya kerajaan Melayu-Jambi dan sebelum munculnya kerajaan Melaka pada akhir abad ke-14M dan awal abad ke-15M, Selat Melaka kembali semula menjadi sarang perompak.<sup>13</sup> Kali ini bukan hanya menjadi kawasan kegiatan perompak laut tempatan tetapi juga perompak-perompak laut Cina yang telah menjadikan Palembang sebagai pusat kegiatan mereka. Kegiatan mereka bukan sahaja mengganggu perdagangan penduduk tempatan tetapi juga perdagangan negara China sehingga kerajaan Ming terpaksa mengirim angkatan lautnya di bawah pimpinan Laksamana Cheng Ho untuk menghapuskan kegiatan itu. Cheng Ho akhirnya berjaya menawan pemimpin lanun itu yang bernama Ch'en Tsu-i pada tahun 1407M dan membawanya ke China untuk dihukum.<sup>14</sup>

Kegiatan merompak di laut ini semakin meningkat setelah kedatangan kuasa Barat ke kawasan ini. Keruntuhan kerajaan Melayu Melaka telah membawa kepada serangan-serangan yang berlarutan terhadap kedudukan Portugis di Melaka di samping serangan-serangan ke atas kapal-kapal dagang yang berdagang dengan pihak Portugis.

<sup>13</sup> Namun demikian, jika mengikut laporan Alfonso de Albuquerque, dalam zaman kerajaan Melayu Melaka juga terdapat kegiatan lanun dan mereka sering mengganggu pelabuhan Melaka. Lihat *Albuquerque, Caesar Timur*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1995, h. 164.

<sup>14</sup> Hj. Yusof Chang, "The Ming Empire: Patron of Islam in China and Southeast-West Asia," dlm. *JMBRAS*, Vol. LXI, Pt.2, 1988, h. 29.

Serangan-serangan yang begini disifatkan oleh pihak Portugis dan Belanda kemudiannya sebagai kegiatan melanun (*piracy*). Dalam laporan-laporan mereka, mereka menamakan pejuang-pejuang Melayu itu sebagai lanun (*pirates*). Namun demikian kegiatan merampas atau mengambil harta secara kekerasan ini nampaknya ditujukan kepada kapal-kapal dagang yang berdagang dengan pihak musuh. Justeru itu adalah agak sukar untuk menyamakan perlanungan jenis ini dengan *piracy*. Adakah mereka merampas dagangan itu semata-mata kerana keinginan merompak harta benda dari kapal-kapal dagang itu untuk kepentingan diri sendiri atau merupakan satu perang gerila menentang kekuasaan Portugis di Melaka?

Persoalan ini timbul oleh kerana di Eropah ketika itu dan pada abad-abad yang terkemudian, perbuatan merompak itu hanya akan menjadi perbuatan jenayah melanun, mengikut definisi, sekiranya dilakukan di luar wilayah jurisdiksi sesebuah negara, tidak kira kerakyatan orang yang dituduh sebagai lanun itu.<sup>15</sup> Di samping itu wujud juga syarat tambahan sekiranya mereka itu hendak dituduh sebagai lanun (*pirates*), iaitu mereka tidak berlayar di bawah sesuatu bendera atau ditauliahkan oleh sesebuah pemerintahan.<sup>16</sup> Jadi apakah pelaut-pelaut Melayu dalam zaman Melaka itu dan pada zaman yang terkemudian yang menyerang dan merampas kapal-kapal dagang Barat dan yang berdagang dengan pihak Barat itu boleh dianggap sebagai lanun? Mereka itu, kalau tidak semua sebahagian besarnya belayar dengan tauliah raja-raja mereka seperti yang akan kita lihat dalam perbincangan seterusnya.<sup>17</sup> Justeru

<sup>15</sup> A.P.Rubin, *op.cit.*, h.10.

<sup>16</sup> *Ibid.*, h.39.

<sup>17</sup> Malah terdapat raja-raja Melayu itu sendiri yang memimpin tentera/pelautnya untuk menyerang pengkalan dan kapal-kapal pihak Barat seperti yang dilakukan oleh Sultan Muhammad Abdul Jalil

itu mereka tidak boleh dipersalahkan dan dikatakan sebagai lanun kerana mereka tidak bertindak *animo furandi*, untuk kepentingan peribadi. Apa yang mereka lakukan hanyalah memperpanjangkan *act of war* atau kegiatan peperangan yang tidak salah mengikut peraturan antara bangsa ketika itu.<sup>18</sup> Akan tetapi malangnya, bagi orang-orang Portugis, Belanda dan kemudiannya Inggeris, mengenepikan terus motivasi politik para “lanun” itu dan menganggap objek mereka hanyalah merompak dan menyamun untuk kepentingan diri semata. Sekiranya tuduhan merompak untuk kepentingan sendiri itu betul sekalipun, tuduhan mengatakan mereka itu lanun masih lagi tidak tepat kerana mereka tidak melakukan perompakan itu di laut lepas iaitu di luar jurisdiksi sesebuah negara. Justeru itu tuduhan yang paling berat boleh dilemparkan kepada mereka hanyalah sebagai perompak, bukan lanun (*pirates*).

Serangan-serangan mereka itu mungkin merupakan usaha kerajaan-kerajaan Melayu ketika itu untuk melumpuhkan kekuatan Portugis. Dari sudut undang-undang antarabangsa tindakan yang dilakukan oleh kerajaan-kerajaan Melayu ini sah kerana mengikut tradisi hukum antarabangsa yang telah diamalkan oleh orang-orang Barat sebelum dan semasa itu hanya mendefinisikan *piracy* sebagai sesuatu tindakan merompak di laut tanpa lesen politik.<sup>19</sup> Dengan itu tindakan kerajaan-kerajaan Melayu

Jalaluddin Syah, Siak. Lihat Muhammad Yusoff Hashim (ed.), *Hikayat Siak*, Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, h. 148-49.

<sup>18</sup> A.P.Rubin, *op.cit.*, h. 31.

<sup>19</sup> *Ibid.*, h. 6.

Pada 13 Oktober 1696, Sir Charles Hedges, Hakim Mahkamah Tinggi Kelaksamanaan Inggeris, mendefinisikan perlanungan kepada *Grand Jury* sebagai; “*Kini perlanungan hanya merupakan satu istilah kelautan untuk perompakan, perlanungan merupakan satu rompakan yang dilakukan dalam jurisdiksi kelaksamanaan. Jika seseorang diserang dalam jurisdiksi itu, dan kapal atau barangnya secara paksa diambil daripadanya tanpa sesuatu kuasa yang sah, ia merupakan satu rompakan atau perlanungan.*”

Di samping itu kawasan jurisdiksi yang dikatakan itu diperluaskan hampir ke seluruh pelusuk dunia, “... dengan itu jika seseorang, penduduk asli atau orang asing, Kristian atau kafir, Turki atau Pagan, yang

itu sah kerana walaupun Melaka jatuh ke tangan Portugis akan tetapi perang tidak tamat dan kerajaan masih ada walaupun bertapak di tempat lain. Dengan itu mereka berhak merampas apa sahaja hak musuh atau sekutu-sekutu musuh mereka. Mengikut hukum syariah tindakan merampas hak-hak musuh ini juga sah kerana musuh itu terlebih dahulu telah merampas hak kerajaan-kerajaan Melayu itu. Justeru kerana itu, mereka ini tidak boleh diistilahkan sebagai lanun, dan kerana itu juga dalam kajian ini, pengkaji hanya menggunakan istilah “perompak laut” bagi menggantikan istilah lanun (*pirate*) bagi mereka yang menjalankan kegiatan merompak atau merampas tanpa “lesen politik” di laut itu

### VI.3. Sebab-sebab perompakan di laut

Kegiatan merompak dan merampas barang dagangan tanpa “lesen politik” di laut ini semakin meningkat setelah lebih banyak kuasa Barat bertapak di Nusantara seperti Sepanyol di Filipina, Belanda di Jawa dan Melaka. Kegiatan dan usaha kuasa-kuasa Barat tadi untuk memonopoli perdagangan dan kuasa politik di wilayah ini telah mempertingkatkan lagi kegiatan merompak. Justeru itu S.Raffles dengan konfiden menyatakan bahawa orang-orang Melayu menjadi “lanun” adalah akibat daripada tindakan Belanda yang menghalang mereka daripada berdagang secara bebas.<sup>20</sup> Namun demikian terdapat juga laporan daripada pihak British sendiri yang

*negaranya tidak berperang dengan kita ... telah dirompak atau dilamun di Laut Narrow, Mediterranean, Atlantik, Laut Selatan atau mana-mana laut ... sama ada di sebelah sini atau di sebelah sana, merupakan perlakuan dalam had siasatan dan kesedaran mahkamah ini.”* Lihat O.Rutter, *The Pirates Wind*, London:Hutchinson & Co., tiada tahun, h. 24 -25.

<sup>20</sup> Sophia L.Raffles, *Memoir of The Life and Public Service of Thomas Stamford Raffles*, London, 1830, Appendix 10-11.

mengatakan orang-orang Melayu itu melanun kesan daripada penindasan mereka (British). *Benjar Generall* bertarikh 25 Julai 1707 melaporkan,

*"... refer to the Diary for Acco.t how the Natives attacked them and why they came away, the Natives reasons for so doing they cant determine but apprehend it was their Jealousy of being brot in subjection as the Maccusser and Javas are to the Dutch."*<sup>21</sup>

Banyak faktor telah dikemukakan oleh sejarawan bagi menjelaskan tentang sebab yang telah membawa orang-orang Melayu menjadi perompak laut ini. O.Rutter dalam bukunya *The Pirate Wind* mengatakan bahawa sebab yang telah membawa orang Melayu beralih daripada hidup secara aman kepada perompakan adalah kerana ketamakan kuasa-kuasa Eropah yang datang berdagang di kawasan ini. Kedatangan orang-orang Barat ini khususnya Belanda telah menyebabkan terhentinya perdagangan tradisi dengan pihak Cina. Perkara ini sangat merugikan para pemerintah tempatan kerana orang-orang Cina itu bukan sahaja berdagang tetapi juga membekalkan mereka dengan tenaga tukang yang mahir dan petani yang rajin. Di samping itu, dengan kedatangan orang-orang Barat ini hasil-hasil hutan sudah tidak menjadi penting, permintaan terhadap rotan, getah jelutung, sagu, lilin lebah dan yang lain-lain sudah terabai. Perkara ini menurut Rutter telah menyebabkan ramai penduduk tempatan kehilangan mata pencarian mereka, sama ada mengumpul hasil-hasil itu atau membawanya ke pelabuhan-pelabuhan.<sup>22</sup>

---

<sup>21</sup> *Benjar Generall* 25 July 1707 from Batavia, G/35/7 SUMATRA FACTORIES RECORD, British Library.

<sup>22</sup> O.Rutter, *op.cit.*, h. 25. Andaian Rutter ini agak kurang tepat kerana berpandukan catatan dalam Rekod Perkapalan Belanda di Melaka, barang yang disebutnya itulah yang merupakan barang dagangan utama yang didagangkan oleh orang-orang Melayu di sekitar Selat Melaka dengan pelabuhan Melaka pada abad ke-18M. Di samping itu laporan-laporan pengembara dan pelaut Barat pula menyatakan bahawa sebahagian besar pedagang yang berdagang di negeri-negeri Melayu adalah orang Cina.

Pihak Belanda juga begitu keras menjaga monopoli rempah ratus mereka sampai sanggup memusnahkan ladang-ladang cengkih dan pala semata-mata untuk mengelakkan barang itu jatuh ke tangan orang lain. Mereka (Belanda) juga sering campurtangan dalam urusan pemerintahan penduduk tempatan hingga akhirnya melumpuhkan kewibawaan pemerintah setempat dan merosakkan enterprais perdagangan rakyatnya.<sup>23</sup>

Sebuah komen yang dibuat oleh seorang pelaut Inggeris sekitar 1689M tentang hal ini agak mernarik perhatian. W.Dampier dalam *Voyages and Discoveries* menacatatkannya;

*“Orang-orang Melayu (Malayans), yang mediawi kedua belah [pantai] Selat Melaka, pada umumnya adalah orang-orang yang berani, akan tetapi saya tidak menemui di antara mereka yang ketagihan perompakan, kecuali pencuri kecil-kecilan dari kalangan mereka yang miskin. Perbuatan yang beginipun akan dikenakan hukuman yang berat di kalangan orang-orang Melayu yang berdagang, yang cintakan perdagangan dan harta benda. Akan tetapi setelah diganggu oleh pihak Belanda, dan dihalang daripada berdagang secara bebas oleh kapal-kapal peronda Belanda, telah menyebabkan mereka [orang Melayu] melakukan perlanungan itu sendiri atau membiarkannya sahaja dan menggalakkan lagi mereka yang melakukannya. Justeru itu lanun-lanun yang berselindung di pantai ini, nampaknya melakukan perlanungan di samping membala dendam terhadap pihak Belanda kerana menyekat perdagangan mereka. Dengan cara ini mereka akan mendapat apa yang mereka tidak dapat perolehi daripada berdagang secara sah.”<sup>24</sup>*

Oleh kerana itu kelihatan seolah-olah ada pertalian di antara kegiatan kolonisasi para penjajah dengan proses penentangan penduduk pribumi terhadapnya yang sering terlahir dalam bentuk perompakan. Ada kemungkinan juga rompakan-rompakan yang dilakukan itu merupakan satu pemberontakan terhadap pihak kolonial khususnya

---

<sup>23</sup> *Ibid.*, h. 26.

<sup>24</sup> W.Dampier, *Voyages and Discoveries*, London: The Argonaut Press, 1931, h. 113.

perompakan dan perampasan yang berlaku pada abad ke-18 dan 19M.<sup>25</sup> Penentangan secara perang gerila di laut ini akhirnya berkembang menjadi satu kebiasaan (budaya) kehidupan yang tentunya lebih menguntungkan dan lebih menarik daripada cara hidup awal mereka.<sup>26</sup>

Kekerasan dan pemerasan yang dilakukan oleh pihak Portugis dan Spanyol serta perjanjian perdagangan yang berat sebelah yang dipaksakan oleh pihak *V.O.C.* dan pihak *E.I.C.* ke atas raja-raja dan pemerintah pribumi telah juga menyebabkan mereka (golongan pribumi) menjadi perompak. Kontrek-kontrek atau perjanjian tersebut tidak pernah ditandatangani secara sukarela oleh pemerintah tempatan. Biasanya perjanjian ini dipaksakan atau tidak difahami sepenuhnya oleh penduduk tempatan.<sup>27</sup> Ramai pemerintah tempatan tidak memperhitungkan dengan mendalam akibat daripada perjanjian yang mereka tandatangani itu. Setelah merasakan diri mereka tertipu atau terikat dengan perjanjian yang berat sebelah tadi, maka mereka mula mengambil tindakan yang pada pendapat mereka akan mengurangkan kerugian yang mereka alami kesan daripada perjanjian itu. Tindakan yang mereka ambil ini

<sup>25</sup> Serangan lanun Orang Laut pimpinan Panglima Kulup ke atas Belanda di Perak pada tahun 1689M dan serangan Raja Bujang ke atas kubu Belanda di Pulau Guntung, Siak merupakan di antara perompakan hasil daripada penentangan penduduk tempatan terhadap kuasa kolonial itu. Lihat B.W Andaya, *Perak The Abode of Grace*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1979, h. 50. Lihat juga Muhammad Yusoff Hashim (ed) *Hikayat Siak*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, h. 149.

<sup>26</sup> O.Rutter, *op.cit.*, h. 27.

<sup>27</sup> Sebagai contoh, sepuak surat yang dikirimkan oleh seorang pedagang Inggeris kepada pihak berkuasa British di York Fort mencadangkan supaya memaksa raja Melayu di pantai barat Sumatera membuat perjanjian setia dengan mereka. Antara lain surat itu mengatakan, " ...Must renew the Contracts and bind the King under Oath to be true to the company as long as Sun and Moon endures them need no more Butchers at the coming of every new Chief the Kings power being sufficient to force the Mandarines and Proateens to obedience and the more pepper comes the more his Revenue Encreases." Lihat Mr.John Delapies Letter dated 26 Feb. 1707/8 dalam *York Fort Generall 20 Jan. 1708/9, G/35/7, SUMATRA FACTORIES RECORD*, British Library.

merupakan penyeludupan dan perompakan di laut.<sup>28</sup> Dengan cara ini mereka merasakan sedikit sebanyak dapat mengatasi kesan monopoli pihak penjajah terhadap perdagangan yang lalu lintas di kawasan mereka.<sup>29</sup>

*Tuhfat al-Nafis* menceritakan bahawa akibat perjanjian yang berat sebelah ini (Perjanjian Belanda-Riau 1784M), Sultan Mahmud telah bangun memberontak menentang orang-orang Belanda dan akhirnya menginggalkan Riau. Dan oleh kerana tidak ada mata pencarian, pengikut-pengikutnya telah menjadi perompak di laut.

*Tuhfat* menceritakan;

*"Syahdan maka Peter Jakub Pemberam pun datanglah dari Melaka dengan beberapa buah kapal perang. Maka apabila tiba di Riau maka didapatnya segala orang-orang Melayu sudah tiada lagi, hanya tinggal Cina-Cina kuli sahaja. Maka tiada terkata-kata lagi, maka diperiksanya kepada Cina-Cina itu, "Ke mana pergi orang-orang Melayu dan peranakan?" Maka jawab Cina-Cina itu, "Sudah berpecah-pecah ke sana ke mari. Ada yang ke Lingga, ada yang ke Pahang itu sekarang terlalu susah. Nanti jikalau kompeni Holanda pergi ikut raja-raja Melayu di mana-mana ia diam nanti susah besar lagi sepuluh tahun pun tiada boleh habis. Jikalau kompeni Holanda menangpun berpuluhan negeri Melayu yang rosak, apa lagi di dalam laut semuanya orang-orang Melayu sudah jadi perompak dan kita semua orang Cina-Cina pun tiada boleh duduk di Riau lagi."*<sup>30</sup>

Di samping itu pihak Belanda terus-terusan mengenakan tekanan ke atas pemerintah-pemerintah tempatan sehingga mereka terpaksa mencari satu kuasa Barat yang lain yang mereka rasa lebih ikhlas membantu mereka iaitu Inggeris.<sup>31</sup> Akan tetapi mereka

<sup>28</sup> Malah ada diantara mereka yang memohon menggunakan bendera sebuah kuasa Barat yang lain untuk mengelakkan ditahan oleh pihak Barat yang lagi satu khususnya Belanda. Sebagai contoh permintaan Sultan Selangor kepada Thomas Forrest. Dalam sepucuk surat Sultan Selangor kepada T Forrest antara lain menyatakan,

*"Wala' du daripada itu barang takrib kiranya sahabat kita akan hal seperti sahabat kita melainkan hendaklah tolong kita seboleh2nya pintakan bendera kampeni Inggeris serta dengan pasnya kepada Jeneral di Benggal tanda kita hendak bersahabat dengan kampeni Inggeris ...".* Lihat *Light Letters*, No.20, *Acheen, Langkat, Batu Bara*, surat No.6.

<sup>29</sup> A.B.Lapian, *op.cit.*, h. 8.

<sup>30</sup> V.Matheson, *op.cit.*, h. 222.

<sup>31</sup> Pernah satu ketika Sultan Selangor meminta tolong kepada Kaptain Thomas Forrest untuk mendapatkan bendera dan pas kampheni Inggeris bagi mengelakkannya daripada diganggu oleh pihak

tidak menyedari bahawa sebahagian besar pedagang Inggeris yang berdagang dengan mereka itu adalah pedagang persendirian atau *country traders* yang kadang-kadang merupakan lanun (*pirate*) dalam erti kata yang sebenar. Pedagang seperti Francis Light, Thomas Forrest, James Scott, John Glass dan R.Geddes telah mengambil kesempatan ini bagi mempertingkatkan perdagangan mereka dengan negeri-negeri Melayu di kedua pesisir Selat Melaka itu yang dianggap tidak sah oleh pihak Belanda kerana perjanjiannya dengan negeri-negeri itu. Belanda terus berusaha untuk menyekat dan menghalangnya dengan negeri-negeri itu. Belanda terus berusaha untuk menyekat dan menghalangnya tetapi penyeludupan dan perdagangan secara gelap tetap berterusan.<sup>32</sup> Dan pada masa-masa tertentu berlaku rompakan ke atas kapal-kapal *V.O.C.* dan kapal-kapal yang hendak berdagang ke Betawi.

Keseriusan kebangkitan orang-orang Melayu yang dilahirkan dalam bentuk kegiatan merompak di laut dan menyeludup ini, akibat daripada pejanjian berat sebelah tadi jelas kelihatan dalam fasal-fasal perjanjian dengan pihak Belanda kemudiannya. Adakalanya kelihatan bahawa raja-raja sendiri seolah-olah memberi restunya kepada kegiatan itu. Dalam sepucuk surat Gabenor Jeneral R. de Klerk kepada Sultan Muhammad Bah'uddin Palembang bertarikh 17 Jun 1778, beliau menyatakan kesyakannya bahawa Sultan dan pembesar-pembesar Palembang turut sama bergiat

---

Belanda. Lihat Surat Raja Selangor kepada Kaptain Thomas Forrest, Surat No 6, *Light Letters*, No.20, Acheen, Langkat, Batu Bara, MS 40320/1.

<sup>32</sup> Di antara usaha Belanda itu ialah membina kubu di Pulau Guntung di kuala Sungai Siak dan kapal-kapal peronda *V.O.C.* meronda kawasan itu. Perbuatan Belanda ini bertujuan untuk menyekat perdagangan Siak dengan pedagang-pedagang dari India, Aceh dan Kedah serta untuk menguasai perdagangan kain serta emas dari kawasan perdalaman Minangkabau. Lihat D.Lewis, *Jan Compagnie in the Straits of Malacca, 1641-1795*, Athens:Ohio University Centre for International Studies, 1995, h. 83-84.

dalam kegiatan penyeludupan yang bertentangan dengan fasal-fasal yang terdapat dalam **Perjanjian Palembang-Belanda** 1775 dan 1776M.<sup>33</sup>

Dalam sepucuk surat lain yang bertarikh 10 September 1782, Gabnor Jeneral W.A.Alting menyatakan bantahannya terhadap kegiatan pemberasaran Palembang yang dituduhnya membantu lanun dan penyeludup Inggeris di perairan Palembang. Beliau menyatakan:

“... maka dari itulah ..... itu telah melihat siapa-siapa sudah datang di kapal Macleer dan di kapal temannya yang bernama ..... dan ..... terbawa di kapal2 itu lugipun apa yang sudah ..... kedua kapal2 itu adanya Maka oleh kerana nyatalah dalam surat saksi itu seorang rakyat Tuan Sultan berserta teman2nya dengan sebuah perahu besar termuat dengan bekalan makanan beberapa kali sudah pergi dan sudah tersambut di kapal Macleer, lugipun oleh kerana rakyat ini telah mengaku seorang besar kirim bekal makanan itu menjadi bingkisan kepada sahabatnya kapitan kapal itu maka Gurnador Jeneral dan Raden pan India tiada boleh haus lagi atas perkara itu berserta atas khabar yang dihawal juga telah sampai padunya daripada perbuatan sehati dan khianat bersama2 orang Inggeris musuh kampeni itu ...”<sup>34</sup>

Perbuatan Belanda yang suka mengungkit jasa-jasa mereka kepada raja-raja Melayu dan ugutan-ugutan yang mereka buat juga menimbulkan rasa kurang senang bagi pihak raja-raja itu.<sup>35</sup> Di samping itu perbuatan mereka menghalang penduduk

<sup>33</sup> Lihat RAS, Malay 142, Surat S.

<sup>34</sup> RAS Malay 142, Surat U

Sebelum itu dalam sepucuk surat lain pada tahun 1781M, pihak VOC melahirkan rasa tidak puas hatinya terhadap hukuman yang dikenakan oleh Sultan Muhammad Baha'uddin ke atas perompak-perompak yang merompak sebuah kapal yang mengibarkan bendera VOC bernama D.E.Snuik di perairan Palembang. Pihak Belanda juga tidak berpuas hati terhadap jawapan Sultan Baha'uddin tentang kegiatan penyeludupan di wilayahnya.

Lihat Surat Gabnor Jeneral W.A.Alting kepada Sultan Muhammad Baha'uddin Palembang, 1781, RAS, Malay 142, Surat C.

<sup>35</sup> *Tuhfat al-Nafis* mencatatkan;

“Alkitab maka tersebut perkataan baginda Sultan Mahmud di dalam negeri Riau duduk bersama-sama Holanda itu. Adalah fetur negeri Riau hendak segeralah sahaja tiap-tiap kehendaknya seperti kayu-kayu dan lain-lainnya daripada perkerjaan membaikkan negeri, dengan perintahnya yang keras. Terkadang-kadang disebutnya hutang melanggar negeri Riau berulang-ulang kepada Sultan Mahmud dan kepada Raja Indera Bongsu, demikianlah halnya sehari-hari. Kemudian lagi beberapa

tempatan berniaga dengan pedagang asing juga menyebabkan berlakunya perbuatan penyeludupan dan perompakan kerana harga yang ditawarkan oleh pedagang-pedagang bukan Belanda itu biasanya lebih tinggi. Justeru itu pada musim pengiriman lada dan timah kepada pihak Belanda dalam tahun 1783M, Sultan Muhammad Baha'uddin sengaja melambat-lambatkan pengiriman itu. Perkara ini telah menimbulkan kemarahan pihak Belanda dan mengugut untuk mengepung kuala Sungai Palembang dan menyekat semua pelayaran di antara Jawa-Palembang dan ke tempat-tempat lain. Dalam suratnya bertarikh 15 September 1783, Gabenor Jeneral W.A. Alting mengatakan;

... maka yang Sultan tiada berutus kemari dalam tahun ini serta tiada kirim bingkisan sebagaimana biasa tiap2 musim pada menyatakan ..... serta bersahabat dengan Kampeni Walanda itu jikalau bukan haruspun boleh juga diambilnya seolah2 suatu tanda alamat paduka Seri Sultan daripada hari ..... jadi pengajaran daripada rakyat2 adanya. Sebagai lagi dari sebab pada sekarang ini Gurnador Jeneral dan Raden pan India sudah capik daripada sabunya yang sudah ..... sehingga inti istimewa lagi sudah capik daripada ..... yang sudah kehendak limpah sekelian ukuran serta perhinggaan maka dalam sedikit hari ini akan jadi terpaksa mencari pada jalan lain apa barang yang tiada boleh dapat pada jalan berkasih2an ...

... istimewa lagi jikalau tiada digenap sekalian permintaan tambahan lagi jikalau timah putih dan lada sekurang2nya seberapa sudah terjanjikan dalam surat wadah perjanjian belum dikirim ke Batavia dengan seboleh2nya pelayaran di antara Jawa Palembang itu akan dilarang sekali-kali serta akan menurun jaga2 atau kapal2 kruis di hadapan Sungai Palembang ...<sup>36</sup>

Akan tetapi apabila barang yang dituntut telah dikirimkan mereka mencari alasan untuk melengah-lengahkan bayaran. Mereka menggunakan klausula-klausula yang

*mendatangkan perkara negeri tiap-tiap hari daripada kehendaknya dan perintahnya dengan bersalah-salahannya maksudnya dan berlain-lainan fikirannya kerana lebih-lebih maklumlah aturan sebelah atas angin hendak dipakaikan kepada orang-orang kulit hitam disuruh mengikut dengan segeranya. Maka iaitu sangatlah kesakitan atas orang-orang kulit hitam menanggungnya. Maka jadi pokok perbantahan dan pekelahian."*

Lihat V. Matheson (ed), *Tuhfat al-Nafis*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1982, h. 220.

<sup>36</sup> *RAS, Malay 142*, Surat G1.

terdapat di dalam perjanjian-perjanjian berat sebelah yang mereka tandatangani dengan pihak raja itu untuk memaksa baginda menerima pembayaran yang lewat. Sebagai contohnya pihak Belanda telah menggunakan alasan membiayai kapal-kapal perangnya yang katanya mesti dikirimkan ke laut untuk melindungi laut Palembang daripada gangguan "lanun". Mereka juga mengungkit-ungkit kata-kata Sultan Baha'uddin tentang persahabatannya dengan pihak Belanda bagi membolehkan Belanda lewat membayar harga timah putih yang dikirimkan oleh Palembang sebagai yang tercatat di dalam perjanjian antara kedua kuasa itu. Dalam suratnya kepada Sultan Muhammad Baha'uddin Palembang bertarikh 16 Disember 1783, Gabnor Jeneral W.A. Alting menyatakan;

*"... pada masa ini Gurnador Jeneral dan Raden pan India tiada punya atas kuasa memberi harga timah setelah didera oleh Yang Maha Mulia yang telah diperolehnya di sini. Adapun dari kerana utusan2 Paduka Seri Sultan tiada suka menanti sedikit waktu dia mahu pulang maka itu takdapat tiada tinggal hutangnya Gurnador Jeneral dan Raden pan India kepada Yang Maha Mulia enam laksa tujuh ribu rial Walandia yang ia berjaya pada tahun di hadapan akan dibayar kepada tangan utusan2 Tuan Sultan yang menantinya di sini pada tahun di hadapan jikalau mendapat riak... pada antara waktu itu tidak syak dan wahum sekali2 melainkan Paduka Seri Sultan akan suka redho pada yang demikian itu supaya menunjuk perkataan Paduka Seri Sultan yang beberapa kali menyatakan sahabat bersahabat itu ikhlas adanya istimewa Paduka Seri Sultan akan pikir mengira2i bahawa surat dengan dharurat orang itu kebanyakannya telah terbit dari sebab belanja yang amat besar yang telah dibelanjai dua tahun lamanya kepada kapal2 peperangan yang Gurnador Jeneral dan Raden pan India tak dapat tiada kirim ke laut serta lagi adalah ... حجٌ ... diperlindungan lautan Palembang ..."<sup>37</sup>*

Kegiatan merompak di laut ini juga mungkin merupakan usaha pejuang-pejuang agama dalam tindakan mereka melancarkan *jihad* bagi menyekat kegiatan kuasa-kuasa Barat khususnya Portugis dan Sepanyol menyebarkan agama Kristian di kawasan ini. Pihak Iranun umpamanya sering sahaja menyerang dan merampas harta

---

<sup>37</sup> RAS, Malay 142, Surat F2.

benda pertempatan Spanyol di pulau-pulau Visaya dalam usaha mereka melancarkan perang *jihad* terhadap orang-orang Spanyol dan Kristian Filipina.<sup>38</sup> Akan tetapi alasan ini agak kurang jelas kelihatan dalam kegiatan perompak laut di Selat Melaka pada abad ke-18M. Apa yang nyata adalah orang tempatan merompak akibat daripada sukarnya untuk berdagang secara sah di perairan Selat Melaka kerana tindakan-tindakan pihak Belanda dan juga kerana keinginan mereka memperolehi barang secara kekerasan.

Tindakan pemerintah Portugis dan Belanda yang mewajibkan kapal-kapal dagang yang melintasi Melaka singgah dahulu di pelabuhan itu dan mengambil pas pelayaran dianggap sebagai satu usaha menyekat kebebasan perdagangan dan pelayaran penduduk tempatan yang telah mereka amalkan zaman berzaman. Perjanjian Belanda-Rembau 1776M umpamanya jelas menunjukkan ketidakadilan ini. Dalam Fasal 12 perjanjian itu dicatatkan bahawa;

*"Sebarang perahu yang dari barat dan timur atau dari timur hendak ke barat melalui Melaka maulah singgah mengambil pas dahulu jika tidak barang siapa meninggalkan fasal perjanjian ini hukumnya itu perahunya dan muatan dirampas oleh kampanyi kepadanya jadi pendapatan."*<sup>39</sup>

Perkara ini juga tercatat dalam Perjanjian Johor/Riau - Belanda 1784. Dalam Fasal 13 dinyatakan,

*"Fasal yang ketiga helas sebuah perahu juapun tiada boleh yang dari Johor dan Pahang serta dengan jajahan takluknya sekelaiian atau daripada pihak sebelah barat sekali2 tiada boleh melalui kota Melaka hingga singgah mengambil pas dahulu."*<sup>40</sup>

<sup>38</sup> J.F. Warren, *op.cit.*, h. 171.

<sup>39</sup> *Perjanjian Rembau-Belanda 1776*, Raffles Malay 10, Surat 10, RAS.

<sup>40</sup> *Perjanjian Johor Riau-Belanda 2 November 1784*, Raffles Malay 10, Surat 14, RAS.

Dalam perjanjian di antara Palembang-Belanda 1775M juga dicatatkan perkara yang sama. Dalam Fasal 6 dinyatakan bahawa rakyat Palembang mesti menggunakan pas kampeni untuk belayar ke Betawi tetapi tidak boleh singgah di Bintan. Mereka juga tidak dibenarkan belayar ke Siam dan negeri-negeri lain kecuali ke Jawa.<sup>41</sup>

Peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh pemerintah-pemerintah kolonial itu juga menyusahkan pengusaha-pengusaha perahu dan perdagangan tempatan. Undang-undang dan peraturan Barat yang dikenakan ke atas pelaut-pelaut dan kapal-kapal tempatan yang bertentangan dengan undang-undang tradisi mereka juga menyakiti hati mereka. Kapal-kapal dagang tempatan yang membawa senjata sering sahaja dicap sebagai lanun oleh pihak penjajah walaupun tidak ada bukti yang kapal-kapal itu pernah melakukan rompakan.<sup>42</sup>

Di samping itu peningkatan perdagangan yang berlaku di kawasan ini khususnya di sekitar Selat Melaka telah mempertingkatkan lagi kegiatan perompakan. Keinginan mencari keuntungan dan kemewahan dengan cara merompak telah menyebabkan orang-orang menjadi perompak laut. Perdagangan dan kekayaan yang mencurah-curah ke kawasan ini pada abad ke-18M itu telah menyebabkan lebih banyak kegiatan merompak dijalankan kerana mudahnya memperolehi mangsa. Dan seperti biasa kegiatan ini nampaknya mendapat restu pemerintah tempatan, malah ada

---

<sup>41</sup> KILTV, Hs. 537,532, Neg. 135.

<sup>42</sup> Jika mengikut T.Forrest, "... no vessel, Atcheen or Malay, fails without being armed." Lihat T.Forrest, *A Voyage From Culcutta to the Mergui Archipelago*, Microfiche 8442, Perpustakaan Universiti Malaya.

pendapat yang mengatakan bahawa setiap raja kerajaan-kerajaan kecil di Kepuluan ini merupakan pemerintah tertinggi sebuah angkatan perompak laut.<sup>43</sup>

Laporan Belanda tahun 1759M dan sebuah lagi dalam tahun 1761M mengatakan bahawa Sultan Ahmad Palembang merestui perompakan ke atas sebuah kapal Portugis oleh perompak-perompak laut Bangka dan telah menerima hadiah beberapa orang tawanan daripada kapal itu. Sultan telah menerima kesemua anak kapal itu termasuk seorang gadis, anak perempuan kaptennya.<sup>44</sup> Kemungkinan kerana ini jugalah nampaknya hikayat-hikayat lama Melayu seperti *Hikayat Siak*, *Cerita Bangka*, *Misa Melayu* dan *Tuhfat al-Nafis* tidak pernah mengutuk satu-satu tindakan merompak itu. Mereka tidak pernah membuat perhukuman moral ke atas kegiatan itu malah menceritakannya sebagai satu kegiatan biasa kepada pembesar-pembesar Melayu.<sup>45</sup>

Dalam undang-undang Melayu lama juga tidak terdapat fasal yang membincangkan tentang perompakan di laut ini. Baik dalam *Kanun Melaka* maupun *Undang-undang Laut Melaka* tidak diperuntukkan bagi menghukum orang-orang yang merompak di laut. Malah terdapat peruntukan yang seolah-olah membenarkan salah satu kegiatan melanun, iaitu **tawan karang**. Apa yang dimaksudkan **tawan karang** adalah segala

<sup>43</sup> G.Rutter, *op.cit.*, h. 19.

F.Light menyatakan;

"... The feudal goverment of the Malays encourages these pirates. Every chief is desirous of procuring many desperate fellows to bring him in plunder and execute his purpose." Lihat R.Winstedt, *The Malays, A Cultural History*, Singapore:Graham Brash, 1981, h. 16.

<sup>44</sup> B.W.Andaya, *To live as brothers*, Honolulu:University of Hawaii Press, 1993, h. 222.

<sup>45</sup> Namun demikian *Tuhfat al-Nafis* mengistilahkan pejuang-pejuang Johor yang meneruskan penentangan terhadap orang-orang Portugis di Melaka itu sebagai "perompak". Lihat V.Matheson (ed), *op.cit.*, h. 9-10.

yang terdampar di pantai menjadi hak milik yang sah bagi orang yang menemuinya.

Orang yang terdampar kerana perahunya karam juga dianggap sebagai harta orang yang menemuinya (menolongnya).<sup>46</sup> Pada pandangan masyarakat Melayu ketika itu, merompak di laut bukanlah satu perkerjaan yang hina malah ia merupakan satu aktiviti yang menjadi kebiasaan kepada golongan anak-anak raja yang tidak berjabatan. Sultan Husain Syah Singapura pernah menjelaskan kepada Raffles bahawa, “*Merompak itu sudah pusaka-nya, sebab itu tiada ‘aib, tetapi yang merompak itu bukannya dia asal Melayu.*”

Selain daripada itu keperluan kepada tenaga kerja dari pihak Belanda dan pemerintah tempatan menyebabkan para perompak mudah menjual hamba tawanan mereka dan menggalakkan lagi mereka menyerang kapal dan perkampungan-perkampungan untuk memperolehi tawanan yang boleh dijual sebagai hamba abdi.<sup>47</sup> Oleh kerana

<sup>46</sup> A.B Lapian, *op.cit.*, h. 220. Lihat juga D Lombard, *Kerajaan Aceh*, Jakarta.Balai Pustaka, 1986, h. 99. Justeru kerana itu Datuk Paduka Seri Indra Penghulu Lima Laras telah menuntut bayaran (adat) kepada Francis Light ketika gabenor Pulau Pinang itu menuntut diserahkan kepadanya empat orang kulit putih yang ditemui oleh Penghulu itu terdampar di Pulau Berhala. Lihat *Light Letters*, ms 40320/1, *Malayan Correspondance*, No. 5. Antara lain surat itu menyatakan;

“...Orang putih itu empat orang Nakhoda Gantam membawa dia kepada sahabat kita akan hal seperti adatnya melainkan jika tu adatnya kepada sahabat kita yang mana patutnya melainkan sahabat kita berikan kepada Kapitan Melayu kerana ia ganti kita akan menentukan daripada barang suatunya hal ekhwal di dalam negeri Pulau Pinang ...”

Walaupun undang-undang darat (Undang-undang Melaka) boleh mempertikaikan peraturan ini, seperti yang dicatatkan dalam Bab IV, kajian ini, akan tetapi, perkara ini jarang-jarang dilakukan kerana *Undang-undang Melaka* itu sendiri tidak diimplementasikan di negeri-negeri Melayu yang lain khususnya pada abad ke-18M.

Ketika itu terdapat juga satu undang-undang Melayu yang bertentangan dengan undang-undang antarabangsa masa itu, iaitu hak orang yang berjumpa perahu hanyut. *Undang-undang Johor* mencatatkan bahawa jika harta dijumpai di dalam perahu yang telah hanyut di laut, akan tetapi masih kelihatan dari pantai, orang yang memperolehi kembali perahu itu berhak memperolehi sepertiga daripada harta itu, dan perahu itu sendiri tertakluk kepada tebusan mengikut adat. Akan tetapi jika perahu itu telah hanyut ke laut dan tidak lagi kelihatan dari pantai, harta di dalamnya harus dibahagi sama banyak di antara orang yang memperolehinya kembali perahu itu dengan tuan yang empunya. Lihat “*Translation of The Malayan Laws of The Principality of Johor,*” dlm. *Journal of The Indian Archipelago*, Vol. IX, 1855, h. 78.

<sup>47</sup> Andaya menyatakan;

tidak putus-putusnya permintaan terhadap hamba abdi ini, lebih banyak pedagang sanggup bayar terus ke pengalan-pengalan perompak Orang Laut itu untuk mendapatkan hamba dengan harga yang lebih murah daripada harga yang ditawarkan di pasar hamba di Palembang.<sup>48</sup> Selain itu hamba abdi yang ditawan oleh pihak Iranun dari selatan Filipina pula telah dibawa kembali ke kepulauan mereka untuk dijadikan pendayung perahu-perahu perang mereka atau dijadikan pekerja bagi mengutip sarang burung, mutiara dan terpang yang biasanya dijual kepada pedagang-pedagang bebas (*country traders*) Inggeris yang singgah di pelabuhan mereka di Kepulauan Sulu. Pihak Inggeris akan membayar harga barang itu dengan senjata api, peluru, bahan letupan dan candu.<sup>49</sup> Dengan itu mengukuhkan lagi kedudukan para perompak ini. Permintaan yang semakin banyak terhadap barang yang dinyatakan itu telah menambahkan lagi kegiatan merompak untuk mendapatkan tenaga kerja.

Di samping itu terdapat pula satu adat di Lampung yang menghendaki seseorang lelaki itu membayar *jujur* (mahar/mas kahwin) yang tinggi kepada gadis yang dipinang.<sup>50</sup> Biasanya *jujur* ini dibayar dalam bentuk abdi atau barang. Justeru kerana itu, ramai lelaki yang terus terhutang lebih kurang lapan puluh rial (*dollar* Spanyol) sepanjang hayatnya kepada isterinya. Satu jalan untuk mengatasi masalah

<sup>48</sup> *A primary reason Orang Laut involvement in the ever-expanding search for slaves, itselaf largely attributable to the 'voracious demand' for human labor from the VOC, its officials, and private Dutch citizens.* Lihat B.W. Andaya, *loc.cit.*, 1993, h. 223.

<sup>49</sup> *Ibid.*, h. 223.

<sup>50</sup> A.Horridge, *The Prahu*, Singapore:Oxford University Press, 1985, h. 5.

<sup>50</sup> *Jujur* untuk seorang anak gadis (dara) adalah 120 ringgit dan bayaran-bayaran lain mengikut adat adalah wang "tulis tanggil" \$15/=, wang upah "daun kodo" \$6/= dan wang "tali kulo" \$5/=. Dengan itu seorang lelaki terpaksa menyediakan sekurang-kurangnya \$146/= untuk belanja kahwinnya. *Jujur* untuk seorang janda (balu) adalah \$80/=. Lihat W.Marsden, *The History of Sumatra*, Singapore:Oxford University Press, 1986, h. 225-26.

hutang ini ialah keluar merompak bagi mendapatkan abdi kerana seorang abdi lelaki boleh dijual dengan harga 30 rial manakala abdi perempuan 40 rial.<sup>51</sup>

#### VI.4. Kegiatan perompak laut di Selat Melaka pada abad ke-18M

Pada abad ke-18M, perompakan di Selat Melaka bukan hanya dilakukan oleh pihak Orang Laut tetapi juga oleh suku-suku kaum Melayu yang lain seperti Minangkabau, Bugis dan Lampung. Di samping itu pada sekitar suku akhir abad ke-18M ini muncul satu puak baru yang telah datang menjalankan kegiatan merompak di kawasan selat ini, iaitu kaum Illanun atau Iranun<sup>52</sup> yang berasal dari selatan Filipina. Kegiatan mereka di Selat Melaka lebih jelas selepas 1787M, iaitu setelah mereka dijemput oleh Sultan Mahmud Riau-Lingga untuk membantu baginda menghalau orang-orang Belanda dari Riau.<sup>53</sup> *Tuhfat al-Nafis* mencatatkan peristiwa ini dengan jelas;

*“... maka dukacitalah baginda Sultan Mahmud serta Raja Indera Bongsu. Maka jadilah dukacitanya dan susahnya seumpama api maka memakanlah akan sabarnya. Maka jadi melakukan dan mengikutkan hawa nafsunya sebab kerana hendak melepaskan piciknya dan susahnya. Maka menyuruhlah ia satu utusan ke Tempasuk membawa surat kepada Raja Tempasuk minta pertolongan pada mengamuk Holanda di dalam Riau. Maka Raja Tempasuk pun menyuruh anaknya tiga orang, pertama Raja Tembak, kedua Raja Alam, ketiga Raja Muda berserta Raja Ismail menjadi panglima besarnya. Maka berluyurlah mereka itu ke Riau. Adalah kelengkapannya kira-kira tiga puluh penjajah dan berangai.”<sup>54</sup>*

<sup>51</sup> Lihat B W Andaya, *loc.cit.*, 1993, h. 229.

<sup>52</sup> Nama inilah yang telah disinonimkan dengan kegiatan merompak di laut; Illanun = lanun. Lihat bahagian awal bab ini.

Orang-orang Illanun (Iranun) ini telah keluar dari kawasan asal mereka akibat letusan gunung berapi yang telah merosakkan perkampungan dan kawasan pertanian mereka di sekitar Tasik Lanao pada tahun 1765M. Kesan daripada kemusnahan itu menyebabkan puak ini telah berpindah secara beramai-ramai ke selatan dan ke barat Pulau Mindanao. Lihat J F Warren, *op.cit.*, h. 150.

<sup>53</sup> Ada laporan yang mengatakan bahawa orang-orang Illanun ini telahpun menjalankan kegiatan mereka di kawasan Selat Melaka lebih awal daripada tahun itu (1787M). Sekitar tahun 1783M, telah kelihatan satu kumpulan kecil perahu Illanun berlegar di perairan Palembang untuk menyerang perkampungan-perkampungan sekitar Bangka bagi mendapatkan abdi.. Lihat B.W. Andaya, *op.cit.*, h. 224.

<sup>54</sup> Lihat V. Matheson (ed), *op.cit.*, h. 220-21.

Setelah berjaya mengalahkan orang-orang Belanda di Riau, Sultan Mahmud terpaksa meninggalkan pulau itu berpindah ke Lingga untuk mengelakkan serangan Belanda seterusnya. Akan tetapi orang-orang Illanun Tempasuk tadi tidak kembali ke negara asal mereka. Mereka tinggal dalam beberapa buah komuniti berasingan di sekitar pantai timur Sumatera. Mereka kemudian mengambil alih kegiatan orang-orang Bugis yang nampaknya telah menurun di kawasan itu. Mereka telah mendirikan kubu-kubu yang kuat di Rateh, Saba, Tukal, Air Itam dan beberapa buah perkampungan kecil di sekitarnya.<sup>55</sup>

Mengikut J.F.Warren, matlamat utama mereka mendirikan pertempatan-pertempatan itu adalah untuk mengeksplorasi aktiviti perdagangan yang ketika itu sedang berkembang pesat di Laut China Selatan. Pasar di China yang mula berkembang telah membuka peluang perdagangan di pantai dan pulau-pulau di Semenanjung Tanah Melayu dengan Laut China Selatan berperanan sebagai lebuhraya utamanya.<sup>56</sup> Kawasan ini merupakan kawasan yang ideal untuk menjadi pengkalan bagi melancarkan serangan ke atas perahu-perahu yang berulang alik di antara Pulau Pinang dengan Melaka dan juga serangan ke atas Pulau Bangka dan Billiton yang kaya dengan timah.

Satu perkara yang dapat dikesan pada masa itu adalah kegiatan merompak di kawasan ini nampaknya semakin meningkat sejak awal abad itu terutama dengan kedatangan lebih banyak kuasa Barat seperti Inggeris, Perancis dan Denmark sebagai

---

<sup>55</sup> J F Warren, *op.cit.*, h. 157

<sup>56</sup> *Ibid.*, h. 157.

tambahan kepada kuasa Barat yang telah sedia ada di kawasan ini iaitu; Portugis, Sepanyol dan Belanda. Kedatangan mereka pada masa itu tidak sangat menjadi saingan kepada pedagang-pedagang tempatan kerana pedagang tempatan lebih merupakan pedagang pembekal kepada pedagang-pedagang antarabangsa itu dengan hasil-hasil tempatan. Kedatangan lebih banyak pedagang asing seharusnya mendatangkan lebih banyak keuntungan kepada pedagang-pedagang tempatan. Akan tetapi keinginan kuasa-kuasa kolonial yang terdahulu di kawasan ini khususnya Belanda untuk memonopoli perdagangan dan menutup pintu perdagangan kepada kuasa-kuasa Barat itulah yang telah menyebabkan peningkatan kegiatan merompak ini. Mereka telah berusaha menyekat kegiatan perdagangan di antara pedagang dan pengusaha tempatan dengan kuasa-kuasa Barat yang lain.

Dalam pada itu, pada abad ke-18M ini terdapat ramai putera-putera raja yang tidak mempunyai kawasan pemerintahan mereka sendiri. Anak-anak raja ini, terutama yang bukan dari keturunan gehra sering tidak mempunyai peluang untuk menduduki takhta dan berkuasa. Justeru kerana itu mereka akan mencari pengikut untuk keluar berkelana sambil mencari keuntungan daripada merompak. Kadangkala terdapat juga anak-anak raja yang kehilangan takhta akibat perebutan kuasa keluar berkelana untuk mencari kekayaan dan pengaruh sebelum kembali untuk merampas takhta. Perdagangan yang banyak terdapat di skitar Selat Melaka pada masa itu telah memudahkannya mencari kekayaan ini, iaitu dengan cara merompak di laut.

Terdapat anak-anak raja yang keluar berkelana itu mendapat tajaan istana. Mereka diberikan kapal yang lengkap bersenjata kerana atas tugas mengawal perairan negara daripada kegiatan perompak laut. Namun demikian tidak kurang pula di antara mereka itu sendiri yang menjadi perompak dan menjadikan mangsa mereka kapal-kapal dagang yang lemah. Hasil rampasan itu biasanya akan dibahagi dua. Beberapa peratus akan dijadikan hak mereka, manakala bakinya diserahkan kepada raja-raja atau pembesar yang menaja mereka. Di antara raja dan pembesar yang menjadi penaja “perompak diraja” ini pada abad ke-18M termasuklah Sultan dan Raja Muda Riau serta Pangeran Yusuf, adinda Sultan Palembang.<sup>57</sup>

Di antara anak-anak raja yang terkenal sebagai perompak laut pada abad ini adalah dari keturunan anak-anak raja Siak seperti Raja Buang Asmara (Sultan Muhammad Abdul Jalil Jalaluddin Syah), Raja Alam, Raja Ismail, Tengku Abdullah dan Syied Ali. Walaupun *Hikayat Siak* tidak menyatakan kegiatan Raja Buang ini sebagai kegiatan perompakan akan tetapi sebuah laporan orang Inggeris pada masa itu menyatakan bahawa Raja Buang merupakan seorang “lanun” yang gagah perkasa.<sup>58</sup> Setelah terpaksa keluar dari negeri Siak akibat berbalah dengan abang seayahnya Raja Alam, baginda dikatakan telah keluar menjadi perompak laut dan berjaya mengumpulkan kekuatan dan kekayaan. Kemudian dengan bantuan Belanda telah berjaya merampas kembali takhtanya dan diangkat menjadi sultan Siak dengan

---

<sup>57</sup> B.W.Andaya, “The Role of Anak Raja in Malay History: A Case Study from 18th century Kedah,” dlm. *JSEAS*, Vol. VII, No.2, Sept. 1976.

<sup>58</sup> Muhammad Yusoff Hashim (ed), *Hikayat Siak*, Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, h. 278.

gelaran Sultan Muhammad Abdul Jalil Jalaluddin Syah (1740-1760M).<sup>59</sup> Mengikut laporan itu juga, sungguhpun Raja Buang telah menjadi Sultan akan tetapi baginda masih ketagihan merompak dan sering keluar merompak.<sup>60</sup> *Tuhfat al-Nafis* pula mencatatkan;

*“Adapun Sultan Mahmud setelah Holanda duduk di Pulau Gontong itu, maka datanglah fikirannya tiada berketauan lalulah ia keluar ke Sanglur merompak perahu-perahu Jawa hendak masuk ke Siak dan kecik Holanda pun dirompak juga.”<sup>61</sup>*

Baginda kemudian telah menyerang kubu Belanda di Pulau Guntong dan membunuh beramai-ramai penghuni kubu itu.<sup>62</sup> Dikatakan daripada 72 orang anggota yang mempertahankan kubu itu hanya 7 orang yang dapat melepaskan diri.<sup>63</sup>

Kegiatan Raja Alam juga tercatat di dalam *Hikayat Siak* dan *Tuhfat al-Nafis*. Setelah disingkirkan daripada tahta kerajaan Siak, Raja Alam telah lari ke Batu Bahara dan di

<sup>59</sup> *Ibid.*, Lampiran E., h. 281

<sup>60</sup> *Ibid.*, h. 279. *Hikayat Siak* mencatatkan;

*“Dan tiada berapa lamanya di negeri, dan baginda pun lalu keluar, semuanya penjajap. Dan yang tinggal menunggu negeri, Orang Besar-besar Empat Suku. Dan baginda belayar, lalu ke barat, melanggar Asahan, Bilah dan Pane, semuanya takluk kepada baginda. Dan lalu baginda berlayar kembali ke Pulau Sangelar itu, dibuat kubu, dinaikkan meriam, “Jembang Guntung” namanya. Dan beberapa buah kecik yang hendak ke Melaka, semua diambil baginda. Dan pada satu hari, datang kapal dari Benila, membawak ringgit, emas dan perak, lalu dilanggar oleh baginda. Maka dapat itu kapal dan segala rakyat mengamuk merampas. Kapal pun tenggelam. Dan baginda terlalu murka kepada anakanda Tengku Muhammad Ali.” Lihat *ibid.*, h. 148.*

<sup>61</sup> V.Matheson (ed), *op.cit.*, h. 128. Sultan Mahmud yang dicatatkan dalam *Tuhfat al-Nafis* dan *Hikayat Siak* itu adalah orang yang sama dengan Sultan Muhammad. Setelah naik tahta kerajaan Siak baginda bergelar Sultan Muhammad (Mahmud) Abdul Jalil Jalaluddin Syah. Lihat Lampiran E, Muhammad Yusoff Hashim(ed), *op.cit.*, h. 281.

<sup>62</sup> *Ibid.*, h. 148-49. Lihat juga V Matheson (ed), *op.cit.*, h. 128.

*Hikayat Siak* menyatakan tindakan Raja Buang (Sultan Mahmud Syah) menyerang Belanda di Pulau Guntong itu adalah kerana sikap biadap orang-orang Belanda yang menuntut secara paksa untuk mendirikan loji di pulau itu. Pihak Belanda juga dikatakan cuba menghalang baginda daripada kembali ke Siak setelah keluar merompak. Di samping itu mereka [Belanda] juga bersikap kurang ajar menangkap perempuan-perempuan yang hilir melintasi pulau itu. *Ibid.*, h. 147.

<sup>63</sup> B.W.Andaya, *loc.cit.*, 1979, h. 217.

sini baginda telah menjalankan kegiatan merompak. Kapal-kapal dagang yang melalui kawasan itu akan dirompaknya. *Hikayat Siak* menceritakan;

*“Maka datanglah sebuah kapal, mengaku hendak berdagang. Tetapi itu kapal, bagi alat kapal perang, ada sordadu banyak. Terlalu kaya itu kapal. Maka Yamtuan Raja Alam pun mufakat, dapat orang, tiga puluh orang, sama mahu mengamuk. Dan sudah putus bicara, bahagi wang tiga ribu seorang. Maka baginda pun pergi di kapal. Maka pura-pura hendak dagang. Maka naiklah baginda, orang lima belas yang boleh naik. Lalu baginda mendapat akan kapitan kapal. Akan orang kapal, sudah ingat, masing-masing memegang senjatanya. Lalu diamuk baginda. Akan orang lima belas, habis terjun ke air, dan tinggal orang yang tiada dimakan besi. Maka kapal pun dapat, dan dapat rial lima puluh laksa. Lain dagangan.”<sup>64</sup>*

Pada tahun 1756M, Raja Alam telah menawan pula seramai 33 orang anak kapal kampanye Belanda ketika mereka ke Batu Bahara untuk membeli beras.<sup>65</sup>

Kegiatan merompak anak-anak raja Siak ini bukan sahaja terhad di kawasan perairan Palembang dan Selat Melaka tetapi juga sampai ke pesisir Kalimantan Barat dan Kemboja. Dikatakan kapal-kapal Sultan Muhammad berkeliaran di mana-mana dari Melaka ke selatan.<sup>66</sup> *Hikayat Siak* menceritakan bahawa setelah disingkirkan oleh Raja Alam, Yang Dipertuan Siak, Raja Ismail (Sultan Ismail Abdul Jalil Jalaluddin Syah 1760-61, 1779-81M) telah keluar berkelana hingga ke Terengganu sambil merompak. Kegiatan merompak baginda ini sampai ke Pantai Emas di Kemboja.<sup>67</sup> *Tuhfat al-Nafis* pula menceritakan tentang kegiatan seorang lagi anak raja Siak, Syied Ali yang dikatakan menjalankan kegiatan merompak hingga sampai ke Singgora (Songkla) di selatan Siam.<sup>68</sup>

<sup>64</sup> Lihat Muhammad Yusoff Hashim (ed), *op.cit.*, h. 150-51.

<sup>65</sup> B.W.Andaya, *loc.cit.*, 1979, h. 219.

<sup>66</sup> V.Matheson (ed), *op.cit.*, h. 217.

<sup>67</sup> Muhammad Yusoff Hashim (ed), *op.cit.*, h. 156.

<sup>68</sup> V.Matheson (ed), *op.cit.*, h. 226.

Di samping putera-putera raja Siak ini, terdapat juga putera-putera raja lain yang menjalankan kegiatan merompak di sekitar perairan Selat Melaka pada abad ke-18M itu. Pada tahun 1772M, terdapat laporan yang mengatakan sekumpulan anak raja Kedah termasuk Tengku Long Putera menjalankan kegiatan merompak mereka di sekitar Larut.<sup>69</sup> Raja Ibrahim anak sulung Sultan Selangor, Sultan Salehu'ddin(1743-1770M) juga dilaporkan oleh pihak Belanda sebagai salah seorang pemimpin perompak.<sup>70</sup>

Kawasan kegiatan para perompak ini bukan hanya tertumpu di sekitar sesuatu daerah sahaja tetapi meluas ke seluruh pesisir selat itu. Dari Ujung Salang dan Aceh di utara sampailah ke Palembang dan Lampung di selatan merupakan kawasan perburuan mereka. Mereka akan merompak apa sahaja yang dapat dijadikan hasil pendapatan, dari harta benda, wang ringgit, barang dagangan hingga kepada manusia yang akan dijual sebagai hamba abdi. Mereka tidak memilih kapal atau perahu, kecuali perahu-perahu yang dipunyai raja-raja yang menaungi mereka.<sup>71</sup>

Sejak sekitar abad ke-17M, kegiatan merompak di laut telah meningkat di pesisir pantai Perak apabila pihak Belanda mula cuba memperluaskan kegiatan monopolinya

<sup>69</sup> B.W.Andaya, *loc.cit.*, Sept. 1976, h. 180

<sup>70</sup> Raja Ibrahim ini kemudian telah dilantik menjadi sultan Selangor kedua setelah kemangkatan ayahndanya Sultan Salehu'ddin sekitar 1770M. Lihat Buyong bin Adil, *Sejarah Alam Melayu*, Kuala Lumpur:Pejabat Karang Mengarang Jabatan Pelajaran Pesekutuan Tanah Melayu, 1952, h. 70 - 71.

<sup>71</sup> Ketika Abdullah Munshi sampai di Kelantan sekitar tahun 1253H, beliau pernah bertembung dengan dua buah kapal perompak laut di Kuala Kelantan. Akan tetapi perahunya tidak diapa-apakan kerana beliau datang untuk menemui raja Kelantan. Malah panglima perompak itu dilaporkan berkata;

“Jikalau bukan perahu ini datang ke-pada raja, aku ambil.” Lihat Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, *Kesah Pelayaran Abdullah*, Singapura Malaya Pub. House, 1928, h. 44-45.

ke negeri itu.<sup>72</sup> Tindakan Belanda itu ditentang oleh para pembesar Perak yang kemudian telah menjemput perompak-perompak Orang Laut bagi membantu mereka menyerang kedudukan dan perkapanan Belanda. Pada bulan Disember 1689M, orang-orang besar Perak yang diketuai oleh Dato' Bandahara telah menjemput Panglima Kulup, seorang pemimpin perompak Orang Laut menyerang kedudukan Belanda di Pulau Pangkor.<sup>73</sup> Walaupun Sultan Perak, Sultan Mahmud Iskandar Syah (1653-1720M) tidak merestui kegiatan perompak laut itu, akan tetapi baginda tidak dapat berbuat apa-apa.

Kegitan perompak Orang-orang Laut itu tidak berhenti di situ sahaja, mereka terus mengganggu kapal-kapal yang belayar keluar masuk Sungai Perak. Justeru itu pada tahun 1701M, pemerintah Johor telah mengirimkan satu angkatan laut bagi membantu Perak mengatasi masalah ini. Namun demikian mengikut laporan Gabenor Belanda di Melaka pada masa itu, Rogier de Laver, kegiatan merompak di sekitar pantai barat Semenanjung khususnya di Perak dan Selangor semakin buruk. Dikatakan bahawa orang-orang Melayu sendiri yang ingin berdagang timah dengan pihak Belanda berasa takut untuk mengambil risiko membawa bahan itu ke Melaka. Bukan sahaja mereka takut akan kehilangan barang dagangan mereka tetapi juga kebebasan dan mungkin nyawa mereka sendiri.<sup>74</sup>

---

<sup>72</sup> Sebagai contohnya, pihak Belanda telah menahan nakhoda dan beberapa orang anak kapal kepunyaan Laksamana Perak yang dikirimkan oleh laksamana itu untuk membeli padi dan beras di Perai. Perkara ini telah menimbulkan kemarahan dan kebencian pembesar Perak itu kepada Belanda. Lihat B.A. Andaya, *loc.cit.*, 1979, h. 125.

<sup>73</sup> *Ibid.*, h. 50.

<sup>74</sup> *Ibid.*, h. 70

Dilaporkan bahawa pada tahun 1755M sebuah kapal Belanda telah dirompak di Larut.<sup>75</sup> Justeru itu kemudiannya pihak Belanda telah cuba membenteras kegiatan ini dengan mewajibkan semua kapal yang belayar di Selat Melaka membawa pas kampeni. Peraturan yang dikenakan oleh pihak Belanda pada tahun 1758M ini bukan sahaja ditentang oleh pedagang dan pelaut malah oleh Sultan Perak ketika itu, Sultan Iskandar Zulkarnaian (1756-1770M).<sup>76</sup>

Akan tetapi yang anihnya *Misa Melayu* yang mengisahkan pemerintahan negeri Perak pada abad ke-18M itu tidak pernah menceritakan tentang kegiatan perompakan ini. Ada kemungkinan Raja Chulan penyusun kitab itu tidak menganggap kegiatan menentang dan menyerang kapal-kapal dan kedudukan Belanda di Perak sebagai satu kegiatan merompak. Padanya mungkin tindakan itu merupakan satu tindakan yang wajar dan sah atau satu kegiatan biasa yang tidak sepatutnya diheboh-hebohkan.

Justeru kerana itu kegiatan merompak di laut semakin meningkat untuk mendapatkan abdi, wang dan dagangan dan jarang sekali ada kapal atau perahu, tidak kira sekecil manapun yang terlepas daripada menjadi mangsa para perompak itu. Walaupun dikatakan terdahulu sebahagian besar para perompak itu di bawah pengaruh pembesar-pembesar Melayu, akan tetapi terdapat juga mereka yang bergerak bebas tanpa mahu tunduk kepada mana-mana kuasa. Malah perahu pembesar-pembesar Melayu pun kadangkala menjadi mangsa mereka. Sebagai contohnya, sebuah perahu pembesar Kedah bernama Long Ismail telah dirompak dan

---

<sup>75</sup> *Ibid.*, h. 202

<sup>76</sup> *Ibid.*, h. 141.

beberapa orang anak kapalnya telah dibunuh. Dalam sepucuk suratnya kepada Francis Light, Long Ismail menyatakan;

*“... maka adalah perintah khabar perahu cunda yang dirompak ambil oleh orang jahat itu maka sekarang ini telah nyatahal sudah kerana Cik Dol dan Cik Abdullah penyuruh cunda membawa perahu cunda itu Cik Abdullah itu mati dan Cik Dol itu luka parah dibawa teman masuk ke negeri Perak ...”<sup>77</sup>*

Keuntungan yang banyak dan mudah diperolehi daripada perompakan ini telah menyebabkan kaum-kaum lain menyertainya sebagai sumber mencari kekayaan. Orang-orang Melayu, Minangkabau, Bugis dan Arab turut menjadikan perompakan sebagai sumber kehidupan dan seringkali tidak mahu berkongsi pendapatan mereka dengan pemerintah tempatan. Mereka juga tidak mahu mengiktiraf kekuasaan raja-raja itu ke atas laut yang menjadi kawasan perburuan mereka.<sup>78</sup> Oleh kerana itu Selat Melaka tidak lagi menjadi laluan yang selamat bagi kapal-kapal dagang.

#### VI.5. Puak Iranun dalam kegiatan perompakan di Selat Melaka

Keadaan di Selat Melaka semakin kompleks setelah tahun 1787M, iaitu setelah Sultan Mahmud Johor-Riau berpindah ke Lingga menyebabkan Orang Laut rakyatnya tidak lagi mempunyai Yang Dipertuan. Justeru itu mereka semakin bebas merompak tanpa mengira perahu siapa seperti yang telah diceritakan oleh *Tuhfat al-Nafis*.<sup>79</sup>

<sup>77</sup> *Light Letters*, MS 40320/3, No 7, Perpustakaan S.O.A.S. University London.

<sup>78</sup> B.W. Andaya, *loc.cit*, 1993, h. 223.

<sup>79</sup> Lihat Bab 33, V.Matheson (ed), *op.cit.*, h. 220-23.

Kemunculan orang-orang Iranun (Illanun) di perairan Selat Melaka pada tahun 1780-an itu lebih memburukkan keadaan. Setelah berkhidmat sebentar dengan Sultan Mahmud untuk menghalau Belanda dari Riau mereka kembali kepada kegiatan biasa mereka iaitu merompak. Semasa musim Monsun Timur Laut di antara bulan Disember dan Februari, *kora-kora* (perahu perang) mereka akan belayar keluar dari pengkalan-pengkalan mereka di Borneo dan beberapa buah pulau di Laut China Selatan untuk merompak di sekitar Selat Melaka. Sehingga 1790-an puak Iranun ini telah mempunyai markas-markas mereka di Retih, Riau, Jambi, Pulau Berhala, Tungkal dan Air Hitam. Dan dari pertempatan-pertempatan inilah mereka akan menyerang secara sistematik kapal-kapal yang lalu-lalang di sekitarnya dan juga perkampungan yang berhampiran.

Perompak-perompak yang terdiri daripada orang-orang Iranun ini lebih dahsyat daripada perompak Orang Laut. Mereka ini lebih ganas dan mempunyai angkatan yang lebih besar dan kuat, lengkap dengan senjata.<sup>80</sup> Kelengkapan perahu dan persenjataan mereka lebih canggih yang sebahagiannya mereka perolehi daripada pihak Inggeris melalui perdagangan, manakala yang lain mereka perbuat sendiri. Perahu-perahu mereka lebih baik dan laju yang biasanya dikendalikan oleh seratus tukang dayung dan lapan puluh penjurit.<sup>81</sup> Terdapat perahu-perahu yang sepanjang

<sup>80</sup> Dikatakan mereka ini menjadi ganas kesan daripada perlakuan orang-orang Sepanyol terhadap mereka sebelum ini. Lihat O.Rutter, *op.cit.*, h. 31. Perahu-perahu perompak Melayu biasanya kecil-kecil, sekitar lapan ke sepuluh tan dengan peralatan yang mudah. Akan tetapi mereka sering berjaya mengalahkan mangsa mereka kerana kecekapan mereka mendayung perahu-perahu itu dan juga pengetahuan mereka tentang selok belok pantai pesisir Selat itu. Lihat T.J.Newbold, *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca*, Kuala Lumpur:Oxford University Press, 1971, h. 36-38.

<sup>81</sup> B.W.Andaya, *loc.cit.*, 1993, h. 224-25.

sembilan puluh kaki dan boleh membawa 60 tan muatan.<sup>82</sup> Dengan keadaan yang demikian, ketika tiupan angin yang sederhana, mereka sering dapat mengalahkan kapal-kapal Barat. Mereka juga nampaknya lebih kuat daripada tentera laut Palembang hingga menyebabkan Sultan Mahmud Baha'uddin tidak dapat berbuat apa-apa terhadap mereka. Malah di antara bulan Januari hingga Oktober 1791 pihak Iranun ini telah berjaya menawan 12 buah kapal terbaik kerajaan Palembang.<sup>83</sup> Pihak Belanda juga tidak dapat mengatasi kegiatan mereka. Sering sahaja kapal-kapal VOC diserang dan ditawan oleh mereka. Pihak Iranun ini bukan sahaja menyerang perahu dan perkampungan di sekitar pantai tetapi juga jauh ke kawasan perdalamaman. Mereka akan memudiki sungai-sungai hingga ke hulu dan menyerang perkampungan-perkampungan di kawasan itu.<sup>84</sup> *Cerita Bangka* mengisahkan:

*"Kemudian di dalam ini tempoh tidak lama lanun datang memukul tanah Bangka berhimpun di pulau Lepar dan Belitung. Dari situ dia mencuri dan memukul orang kerja parit distrik Toboалиh dan Kubak. Maka banyak timah dan orang Bangka yang dirampas dan ditangkap. Dengan sebab itu baginda suhunan sudah kirim satu pengeron nama Adiwijaya yang keturunan dari suhunan Palembang juga dengan beberapa perahu tinggal di Toboалиh pulau Lepar dan Belitung dia empunya kuasa."*<sup>85</sup>

Justeru itu mereka dianggap sebagai musuh ketat kepada penduduk pinggir Selat Melaka khususnya orang Melayu. Di mana sahaja yang boleh orang-orang Iranun ini akan diserang oleh orang-orang Melayu.<sup>86</sup>

<sup>82</sup> O.Rutter, *op.cit.*, h. 31. Namun demikian mereka tidak menggunakan perahu perang *kora-kora* mereka di Selat Melaka. Perahu perang besar dan bercadik ini mungkin tidak sesuai di kawasan ini kerana pantainya yang berpaya dan berlumpur. Sungguhpun begitu mereka menggunakan satu versi *kora-kora* itu yang tidak bercadik yang dipanggil oleh orang Melayu dan Inggeris sebagai *lanong*.

<sup>83</sup> B.W.Andaya, *loc.cit.*, 1993, h. 224.

<sup>84</sup> *Ibid.*, h. 224-25.

<sup>85</sup> E.P.Wieringa (ed), *Cerita Bangka*, Vakgroep talen en culturen vanzuidoost-azie en oceanie riksuniversiteit Leiden, 1990, h. 110.

<sup>86</sup> J.F.Warren, *op.cit.*, h. 149.

Pergabungan di antara lanun-lanun Orang Laut dengan Iranun ini telah menambahburukkan keadaan. Mereka sering mengganas ke seluruh pelusuk negeri. Tidak ada kawasan yang boleh dianggap selamat daripada mereka. Di Bangka keadaan huru-hara sering berlaku, saban hari ada sahaja berlaku rompakan dan perampasan.<sup>87</sup> Bangka sering sahaja diserang di antara 1792-1804M hingga menyebabkan bahagian timur pulau itu ditinggalkan terbiar. Orang Iranun akan memudiki sungai-sungai, memusnahkan pertempatan-pertempatan dan mengangkut pekerja-pekerja lombong untuk dijadikan abdi. Serangan yang pertama mereka lakukan ialah ke atas Kota Sungai Liat pada tahun 1792M.<sup>88</sup>


Timah Bangka lebih banyak yang jatuh ke tangan mereka daripada yang dapat dikirimkan ke Palembang. Justeru itu pihak Belanda sering menuntut kepada kerajaan Palembang supaya dihapuskan kegiatan perompak ini. Akan tetapi oleh kerana mereka lebih kuat, pemerintah Palembang tidak dapat berbuat apa-apa, malah kadangkala membiarkan sahaja kegiatan itu untuk keselamatan kerajaannya. Mengikut Andaya salah satu sebab Orang Laut mahu menyertai pihak Illanun itu adalah kerana ianya lebih menguntungkan daripada menggabungkan diri dengan pihak kerajaan Palembang.<sup>89</sup>

Sebuah laporan pada tahun 1838M menyatakan seorang Melayu bernama Sabit menyatakan bahawa dia tidak pernah mendengar tentang Sulu sebelum itu, akan tetapi pernah mendengar tentang orang-orang Illanun dan lanun. Walaupun dia tidak tahu darimana mereka datang dan tidak ada perperangan sebenar di antara negara itu dengan negaranya, akan tetapi orang-orang dari negaranya dan orang-orang Melayu pada umumnya akan menyerang orang-orang Illanun itu di mana-mana sahaja mereka bertemu kerana mereka menganggap orang-orang Illanun itu sebagai perompak biasa yang akan merompak/menyamun bukan sahaja orang-orang Melayu tetapi juga orang lain. Lihat nota kaki, *ibid.*, h. 149.

<sup>87</sup> E.P. Wieringa (ed), *op.cit.*, h. 111.

<sup>88</sup> Lihat J.F. Warren, *op.cit.*, h. 158. Lihat juga testimoni Pengerahan Syied Hassan al-Habassy, 15 Okt. 1830, AR Archief Kolonien 4168.

<sup>89</sup> B.W. Andaya, *loc.cit.*, 1993, h. 225.




Gambar 11


**Sebuah Kora Kora**

Perahu jenis inilah yang banyak digunakan oleh orang-orang Iranun untuk melanun di Laut China Selatan, Laut Sulu dan sekitarnya. Kora-kora mempunyai cadek di kedua-dua belah sisinya dan pendayung duduk di atas cadek. Perahu jenis ini jarang-jarang digunakan di Selat Melaka kerana pantai Selat Melaka yang berlumpur dan berhutan bakau itu menyebabkan ia susah untuk mendarat.


(Dipetik daripada A.Horridge, *The Prahu, Traditional Sailing Boat of Indonesia*, Kuala Lumpur:Oxford University Press, 1981.)



(a)



(b)



(c)

Gambar 12

Perahu-perahu perompak laut Sulu

a. Penjajab b. Lanong c. Salisipan

Para perompak ini dikatakan begitu mahir tentang selok-belok di laut sekitar Selat Melaka. Sebuah catatan pada awal abad ke-19M, menyatakan bahawa para perompak itu mempunyai kelebihan dari segi mendayung, kelajuan perahu mereka dan pengetahuan mereka tentang selok-belok perairan di antara pulau-pulau atau beting-beting pasir di muara sungai-sungai tempat kegiatan mereka.<sup>90</sup>

#### VI.6. Kesan perompakan di laut terhadap perdagangan di Selat Melaka

Tindakan-tindakan Belanda selanjutnya di Selat Melaka bukan sahaja menyusahkan pedagang-pedagang tempatan tetapi juga pedagang-pedagang Barat yang kemudian telah mengalihkan kegiatan mereka kepada kegiatan penyeludupan dan kadangkala perompakan. Keseriusan perkara ini dapat dilihat daripada perjanjian-perjanjian yang ditandatangani di antara pihak barat dengan pihak tempatan. Dalam Perjanjian Belanda-Riau 1784M umpamanya dicatatkan;

*"Fasal yang kelima belas perkara yang amat jahat sekali-kali perompak2 yang telah lazim sudah dibuatnya di dalam selat2 itu dan sekarang hendaklah dipalu sungguh2 supaya .....~~.....~~ orang yang pergi datang jangan lagi hilang harta bendanya dan azatnya diperhambakan orang dan nyawanya Maka hendaklah dengan sungguh2nya diperintahkan raja dengan menteri-menterinya apabila ada juga orang yang serupa itu terlantas kepada hati sekali2 jangan dibiarkan bagaimana dia pergi usir juga apa lagi menaungi dia sekali2 jangan melainkan serta juga dengan kampeni serta mendengar juga jenis2 orang itu di dalam selat ini jangan lagi menanti sesaat seketika itu juga hingga binasakan tempat2nya itu jika lau yang dilaut hendak menyuruhkan segera dengan alat mencari dia supaya suci laut pergi datang yang akan mengerjakan masing2 .....~~.....~~ serta kehidupannya."*<sup>91</sup>

<sup>90</sup> L.Y. Andaya, *Kerajaan Johor 1641-1728*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987, h. 59.

<sup>91</sup> RAS, *Raffles Malay 10*, No. 4

*Tuhfat al-Nafis* juga telah mencatatkan tentang keseriusan kegiatan perompakan di laut pada masa itu. Ia menyatakan bahawa, "... beberapa kesusahan atas segala orang yang bermiaga kerana perompak-prompak seperti anak ayam umpamanya."<sup>92</sup> Dalam perjanjian dengan Palembang pada tahun 1775M juga telah ditegaskan perkara ini. Di antara lain dalam Fasal Sembilan, Belanda meminta Sultan Palembang menentang perompak-perompak di laut Bangka dan Belitung. Sultan diingatkan supaya jangan memberi perompak tinggal di Palembang. Mereka hendaklah dibunuh dan jika ada rakyat yang membeli barang dan bermufakat dengan mereka, rakyat itu hendaklah dihukum.<sup>93</sup> Selain daripada itu surat-surat Gabnor Jeneral Belanda kepada Sultan Muhammad Baha'uddin Palembang (1774-1804M), sering sahaja mencatatkan tentang bantahannya terhadap kegiatan dan penyeludupan di perairan Palembang.

Perjanjian-perjanjian yang dibuat oleh pihak Belanda juga sering menyekat kegiatan perdagangan penduduk-penduduk tempatan dengan pedagang-pedagang asing. Dalam perjanjian yang disebut di atas (Perjanjian Belanda-Riau 1784M) juga jelas mencatatkan dalam Fasal ke-21nya tentang sekatan-sekatan terhadap perdagangan tempatan;

"Fasal yang dua puluh satu - Kampeni Walanda yang di bawah angin ini melarangkan kepada raja Johor dan Pahang yaitu wangkang Cina dan perahu-perahu yang lain akan masuk bermiaga di dalam itu yang datang daripada rantau Silibus atau Brunei yang membawa cengkih pala dan bunga pala tambahan yang datang dari Palembang memuat timah apakala dari tempat-tempat itu datang ke Riau membawa larangan yang telah tersebut di atas ini rampaslah oleh raja juulkan muatannya itu dengan perahu-perahu sekali tentang daripada cengkih pala dan bunga pala nanti diambil oleh kampeni separuh harga yang lazim dia membeli dibayarnya dan timah itu harganya lima belas rial kampeni pada sepikulnya."<sup>94</sup>

<sup>92</sup> V.Matherson (ed), *op.cit.*, h. 222.

<sup>93</sup> *Contracten met Palembang*, KITLV, Hs. 537,532, Neg. 135.

<sup>94</sup> RAS, *Raffles Malay 10*, No.14.

Dalam hal sekatan berdagang dengan pihak Cina ini juga telah disentuh dalam Perjanjian Palembang-Belanda 1775M. Dalam Fasal 10 perjanjian itu dikatakan jika jong Cina datang ke Palembang, jong itu hendaklah dirampas dan rakyat Palembang, Bangka dan Belitung dilarang sama sekali belayar ke China.<sup>95</sup>

Hasil-hasil keluaran tempatan juga tidak dibenarkan diniagakan kepada pedagang asing. Ia mesti dijualkan kepada pihak Belanda dengan harga yang telah ditetapkannya. Contohnya timah yang merupakan komoditi penting yang dihasilkan sekitar Selat Melaka ditetapkan oleh Belanda tidak boleh dijual kepada sebarang kuasa Barat yang lain. Kalau bahan itu dibawa ke Riau dari kawasan pengeluarannya, bahan itu hendaklah dikirimkan kepada pihak Belanda. Kalau yang datang dari Palembang dan Bangka, langsung tidak boleh dijual ke pelabuhan-pelabuhan lain, mesti dibawa terus ke Betawi atau dijual di gundang Belanda yang terdapat di Palembang. Dalam Fasal 22, Perjanjian Belanda-Riau dicatatkan;

*“Fasal dua puluh dua - segala timah yang datang ke Riau lain daripada timah Palembang dan Bangka berikanlah kepada kampeni harga tiga puluh enam ringgit pada sebaharanya, iaitu timbangan kampeni tiga ratus tujuh puluh lima pantu atau orangnya itu juga titahkan bawa ke mari.”<sup>96</sup>*

Perjanjian di antara Belanda-Palembang 1775 (25 September) juga mencatatkan perkara yang hampir serupa. Dalam perjanjian itu yang dicatatkan dalam Fasal 2, menyatakan bahawa semua keluaran lada untuk Kampeni Belanda tidak boleh dijual kepada pihak lain. Harga lada itu juga telah ditetapkan, 3 rial sepikul kalau dijual terus di gudang kampeni di Palembang. Jika dihantar ke Betawi harganya 6 rial

<sup>95</sup> KITLV Hs.537,532, Neg. 135.

<sup>96</sup> RAS, *Raffles Malay 10*, No 14.

sepikul. Raja diperintahkan supaya menggalakkan rakyatnya menanam lada untuk keperluan kampeni.<sup>97</sup>

Justeru kerana perkara-perkara yang disebutkan di ataslah didapati bertambah meningkatnya kegiatan perlanunan di Selat Melaka pada abad itu hingga membawa ke abad ke-19M. Dalam catatan-catatan pengembara-pelaut abad itu banyak diceritakan tentang kegiatan merompak yang begini dengan berselindung di belakang kegiatan berdagang. Perompakan yang dimaksudkan di sini bukan hanya kegiatan perompakan bersenjata tetapi juga menggunakan ugutan dan kegiatan memperolehi hasil-hasil tempatan dengan cara menimbulkan perasaan takut kepada penjual hingga mereka terpaksa menjual dengan harga yang rendah dibandingkan dengan harga yang sepatutnya. Kegiatan begini jelas menunjukkan wujud ugutan untuk mendapatkan satu-satu hasil itu dengan harga yang rendah. Cara yang sedemikian juga dapat kategorikan sebagai perompakan. Perkara ini menimbulkan perasaan tidak puas hati dan tertipu oleh pihak penjual. J.A.Pope, seorang pelaut Inggeris pernah mencatatkan bahawa ketika belayar di perairan Selat Melaka dalam tahun 1786M, dia dan temannya Jones sering diperintahkan oleh kapten kapalnya untuk menahan perahu yang membawa pinang dan lada hitam dan membeli komoditi tersebut dengan harga yang ditentukan oleh kapten itu sendiri yang selalunya tidak memuaskan hati penjual.<sup>98</sup>

<sup>97</sup> *Contracten met Palembang*, KITLV, Hs. 537,532, Neg. 135.

<sup>98</sup> Kata Pope;

*"Jones and myself are usually employed in the Boats stopping Boats laden with Beetlemut and Pepper which we bring alongside, when the Captain pays them his own price and send them off not well pleased. I have had a several sea fights with them. One large prow I engaged all Nights with musquets and Blunderbusses without making them yield and they got off clear."* Lihat Anne Bulley (ed), *Free Mariner*, London:Bacsa, 1992, h. 65.

Kegiatan perompakan orang-orang Inggeris ini juga merupakan bahan bantahan pihak Belanda kepada pemerintah Palembang. Dalam suratnya bertarikh 10 September 1782, Gabnor Jeneral W.A.Alting telah membantah kepada Sultan Muhammad Baha'uddin tentang kegiatan seorang *country trader* Inggeris yang telah merompak dan membunuh orang-orang Kampeni Belanda di kuala Sungai Palembang. Dalam surat itu beliau menyatakan;

.... Gurnador Jeneral dan Raden pan India sudah terima di sini daripada tangan ..... yang menjadi penghulu kepada kelapan kapal peperangan kampeni bernama ..... sepucuk surat saksi daripada seorang ..... bernama Jakubson yang tertawan tinggal dalam kapal orang kapir yang menjadi bajak bernama Macleer orang Inggeris yaitu pada awal musim dahulu waktu ketika sibajak itu ..... dan membawa cap surat membunuh rakyat2 kampeni yang baik di hadapan kuala Palembang dan dekatnya ...<sup>99</sup>

Di samping itu terdapat juga laporan2 yang menyatakan tentang kegiatan perompakan yang dilakukan oleh orang-orang Belanda di sekitar Selat Melaka dan Kepulauan Nicobar. M.L.Dames mencatatkan bahawa sekitar 1695M, Kepulauan Nicobar merupakan tempat peranginan bagi lanun-lanun yang mengganggu perairan Selat Melaka hingga ke Pegu dan Mergui. Lanun-lanun ini terdiri daripada pelbagai bangsa tetapi sebahagian besarnya orang Belanda.<sup>100</sup>

99 RAS, *Malay* 142, U.

Sebelum ini pun orang-orang Barat sering juga menjadi lanun di kawasan Selat Melaka dan Lautan Hindi. Dalam usahanya untuk melepaskan diri daripada pengaruh pedagang-pedagang Islam dan Parsi, Raja Narai dari Siam pada tahun 1670-an telah mengambil lebih ramai orang Barat menjadi penasihat baginda. Kapalnya juga kini telah dikendalikan oleh pelaut-pelaut Barat. Mereka inilah yang telah mengambil kesempatan merompak di sekitar Lautan Hindi dan Selat Melaka berlindung di belakang bendera diraja Siam. Lihat S. Arasaratnam, *Islamic Merchant Communities of The Indian Subcontinent in Southeast Asia*, Kuala Lumpur: University of Malaya, 1989, h. 13.

<sup>100</sup> Lihat nota kaki 1, *The Book of Duarte Barbosa*, Vol II, London: Hakluyt Soc., 1921, h. 180.

Sebelum itu orang-orang Portugis juga sering merompak kapal-kapal di kawasan ini dan juga di kawasan laut lepas. Di samping kapal-kapal tempatan mereka juga sering merompak kapal-kapal Cina. Kegitan mereka ini lebih tepat untuk dikatakan kegiatan melanun kerana mereka merompak di kawasan laut lepas. Pelaut-pelaut Cina itu juga dikatakan melakukan perkara yang sama di mana mereka memperolehi kesempatan.<sup>101</sup>

Jelas di sini, kegiatan merompak di laut di rantau Selat Melaka ketika itu bukan hanya dijalankan oleh orang-orang tempatan. Orang-orang Barat juga turut serta. Malah ketika Sultan Hussin Syah Singapura menjawab soalan Raffles tentang tabiat suka merompak orang Melayu, baginda walaupun mengakui bahawa merompak itu merupakan pusaka orang Melayu tetapi dengan sinis menyindir Raffles dengan mengatakan, "... tetapi yang merompak itu bukan-nya dia asal Melayu."<sup>102</sup> Seandainya orang Inggeris telah melakukan kegiatan yang sedemikian bagimana pula dengan orang-orang Barat yang lain? Seperti yang telah dinyatakan, orang-orang Barat juga sering melakukannya, tetapi mereka sering berselindung di sebalik perjanjian-perjanjian yang mereka buat dengan pemerintah-pemerintah tempatan. Dengan perjanjian itu mereka seolah-olah berhak menentukan undang-undang di laut di mana sahaja mereka mempunyai kepentingan.

Dengan itu agak sukar untuk memisahkan di antara perompakan atau perampasan harta secara kekerasan di laut dengan perdagangan. Hanya cara untuk mendapatkan

<sup>101</sup> I.A. Macgregor, "The Portugese in Malaya," dlm. *JMBRAS*, Vol. 28, 1955, h. 25.

<sup>102</sup> Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, *loc.cit.*, 1963, h. 192.

barang itu sahaja yang membezakannya. Yang satu mendapatkan barang untuk didagangkan itu secara sah atau secara lembut manakala yang satu lagi mendapatkannya secara kasar dan tidak mengikut lunas undang-undang.